



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

MENARA PERKESO
281, JALAN AMPANG
50538 KUALA LUMPUR
HOTLINE : 1 300 22 8000

PEKELILING MAJIKAN BIL. 1 TAHUN 2017 AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA, 1969

BAYARAN CARUMAN BULANAN MENGGUNAKAN PORTAL BAYARAN CARUMAN - iPERKESO

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua majikan yang berdaftar dengan PERKESO mengenai keperluan menggunakan **Portal Bayaran Caruman - iPERKESO** bagi pembayaran caruman bulanan semasa.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan perkembangan teknologi dan bagi tujuan meningkatkan kecekapan serta mengurangkan kos menjalankan perniagaan, Kerajaan menggalakkan penggunaan perkhidmatan perbankan dalam talian atau *online banking*.
- 2.2 PERKESO sebagai sebuah agensi Kerajaan menyokong usaha ini dengan menyediakan saluran pembayaran caruman bulanan menggunakan Portal Bayaran. Kaedah ini membolehkan bayaran dan dokumen caruman pekerja dikemaskini dan dihantar terus kepada PERKESO secara dalam talian.

- 2.3 Bayaran caruman bulanan menggunakan Portal dapat meminimakan kerosakan data dan rekod caruman di samping mempercepatkan proses pengemaskinian rekod caruman majikan dan pekerja.

3. PEMAKAIAN

- 3.1 Portal Bayaran Caruman Bulanan iPERKESO boleh dicapai melalui Laman Web Rasmi PERKESO, iaitu www.perkeso.gov.my di pautan ikon Majikan – iPERKESO atau dilayari melalui www.iperkeso.my.
- 3.2 Panduan pengguna iPERKESO boleh didapati di Laman Web Rasmi PERKESO sebagai rujukan kepada semua majikan.


4. PELAKSANAAN

- 4.1 Berkuatkuasa serta merta, semua majikan yang berdaftar dengan PERKESO yang membayar caruman bulanan di Kaunter Pejabat PERKESO, Kaunter Bank Pemungut dan Pejabat Pos dikehendaki menggunakan Portal Bayaran Caruman – iPERKESO.
- 4.2 Pelaksanaan penggunaan Portal Bayaran Caruman – iPERKESO ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) Bilangan 2 Tahun 2017.
- 4.3 Lanjutan daripada pelaksanaan ini, PERKESO akan menghentikan pengeluaran dan penghantaran Borang 8A kepada majikan mulai caruman bulan Januari 2018.
- 4.4 Selaras dengan pelaksanaan Portal Bayaran Caruman – iPERKESO, perkhidmatan penerimaan bayaran caruman melalui Kaunter Pejabat PERKESO, Kaunter Bank Pemungut dan Pejabat Pos akan ditamatkan mulai bulan yang sama.

5. PERTANYAAN

- 5.1 Apa-apa kemusykilan berhubung dengan Pekeliling ini hendaklah dikemukakan ke Pusat Khidmat Pelanggan PERKESO di talian **1 300 22 8000** atau hadir ke pejabat PERKESO yang berdekatan.
- 5.2 Bagi tujuan membolehkan komunikasi langsung antara PERKESO dan majikan, semua majikan adalah dikehendaki **mengemukakan alamat emel berserta dengan nama dan no. kod majikan kepada PERKESO** melalui emel ke alamat, **bc@perkeso.gov.my**.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'


(DATO) DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)
Ketua Eksekutif
Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh : 21 Mac 2017